

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(B)13

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

13. Isu banjir di kawasan Telok Air Tawar yang semakin hari semakin meruncing. Perkampungan yang berdekatan dengan persisir pantai iaitu Kampung Contoh dan Kampung Bagan Lebai Tahir mengalami banjir yang amat buruk dalam jangka masa singkat. Apakah rancangan jalan penyelesaian untuk mengatasi permasalahan ini agar tidak berulang lagi?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP) mempunyai perancangan untuk menaik taraf saluran keluar (outlet) sedia ada di Kampung Contoh kepada *outfall* sebagai tindakan mitigasi jangka pendek bagi membolehkan aliran air daripada hulu (upstream) mengalir keluar terus ke laut dan mengurangkan risiko saluran keluar sedia ada dilitupi pasir. Permohonan peruntukan bagi pelaksanaan projek akan dibuat pada tahun 2025.

Bagi tindakan jangka panjang pula, JPS Malaysia kini sedang menjalankan Kajian Semula Pelan Pengurusan Pantai Bersepadu (ISMP) Negeri Pulau Pinang. Kajian tersebut kini sedang di

peringkat kerja ukur. Kajian ini merangkumi kawasan Kampung Bagan Lebai Tahir dan Kampung Contoh. Pelaksanaan projek fizikal akan dijalankan setelah kajian siap sepenuhnya.